



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## **KENYATAAN MEDIA AGENDA MEMPERKASAKAN KEUSAHAWANAN DITERUSKAN**

---

**TANJUNG PIAI, 9 MAC 2022** – Usaha dan inisiatif untuk memberikan pendedahan serta memperkasa agenda keusahawanan di kalangan bakal usahawan dan para usahawan sedia ada diteruskan lagi dengan Program Usahawan dan Koperasi Keluarga Malaysia (PUKKM) di Tanjung Piai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Program secara santai yang telah berlangsung selama sehari tersebut turut disertai dengan Sesi Dialog Bersama YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Menurut YB Tan Sri Noh Haji Omar, “Sesi Dialog Bersama YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini merupakan inisiatif dan komitmen MEDAC untuk saling mendapatkan maklumat berhubung isu dan cadangan penambah baikan untuk memperkasakan pembangunan usahawan tempatan selain memberikan maklumat tentang program-program yang ditawarkan oleh MEDAC dan Agensi kepada para usahawan.”

Antara maklumat yang disampaikan oleh MEDAC melalui Agensi seperti TEKUN dan SME Corporation Malaysia (SME Corp.) adalah pendedahan berkenaan program dan pembiayaan terkini yang disediakan. TEKUN telah memberikan pendedahan berhubung Skim Pembiayaan Informal dan Mikro

(SPIM) sekitar kawasan Tanjung Piai. SPIM merupakan skim yang menawarkan pembiayaan pada kadar keuntungan kosong peratus (0%) berserta moratorium selama 12 bulan dengan keutamaan diberi kepada peniaga sektor informal dan mikro. Manakala SME Corp. telah memberikan pendedahan berhubung Dana Kecemasan PKS 2.0 (SMEEF 2.0) yang menawarkan dana pembiayaan sehingga maksima RM100,000 untuk membantu PKS yang terjejas akibat bencana alam termasuk banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai dan tanah runtuh.

Program tersebut diakhiri dengan pemberian *mock cheque* dari Agensi-agensi MEDAC seperti TEKUN kepada pemohon pembiayaan SPIM, penerima geran *Business Scale-Up Programme* (Biz-Up) dan *SME Revitalisation Financing* (SMERF) oleh SME Corp. serta penerima Bantuan Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bantuan Prihatin Koperasi dari SKM telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh Haji Omar.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**